

BAB 1

LATARBELAKANG SEJARAH

Kedatangan Awal Masyarakat India ke Alam Melayu

Menyentuh perbincangan dari perspektif sejarah tentang masyarakat India adalah tidak lengkap tanpa menyinkap kembali kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Ini kerana kehadiran mereka ke Alam Melayu khususnya ke Tanah Melayu mempunyai ikatan sejarah yang begitu rapat sekali.

Hubungan India dengan Tanah Melayu telah bermula sejak zaman-berzaman dahulu sehingga budaya India telah menjadi sebatи dengan budaya Alam Melayu dalam banyak aspek kehidupan sehari-hari. Kedatangan mereka ke Asia Tenggara dapat dikesan mulai abad pertama kurun Masehi lagi. Keinginan untuk mencari kekayaan telah mendorong orang India menyeberangi lautan timur dan barat benua kecil India. Hubungan awal India dengan Asia Barat serta Rumawi sudah pun bermula pada awal Masehi lagi. Hubungan awal India dengan Asia Tenggara juga begitu.¹ Mereka mengharungi lautan Teluk Benggala untuk sampai ke sini bagi tujuan perdagangan, kerana di rantau Kepulauan Melayu terdapat dengan banyaknya emas, rempah-ratus, kayu harum seperti cendana dan gaharu, kapur barus, damar dan sebagainya.

Dalam usaha berdagang ini, ada di antara mereka yang telah mengahwini gadis-gadis tempatan sehingga diwujudkan petempatan yang berbau India yang seterusnya membawa kepada berlakunya asimilasi budaya. Pertukaran fikiran di antara India dan Asia Tenggara dapat dilihat dalam banyak aspek seperti konsep DiRaja, kesenian, kesusasteraan, budaya dan bahasa. Perkataan-perkataan Sanskrit seperti *agama*, *neraka*, *syurga*, *keldai* dan sebagainya merupakan asimilasi bahasa dari India ke Alam Melayu.

Perhubungan ini dikenali sebagai Indianisasi. Tetapi bilangan mereka yang datang untuk tujuan berdagang pada masa awal itu amat terbatas.

Kedatangan awal orang India ini, sekurang-kurangnya sehingga abad ketiga belas tidaklah begitu ramai kerana mereka ke mari sebagai duta Tamadun Agong India dan sebagai golongan pedagang sahaja. Menurut Tome' Pires, semasa Diego Lopes de Sequeira tiba di Melaka, terdapat pedagang Gujerat, bersama-sama dengan orang Parsi, Benggali dan Arab, iaitu lebih daripada empat ribu orang asing. Juga terdapat pedagang Kling yang berdagang secara besar-besaran.² Namun pintu bagi orang India ini tertutup buat seketika semasa penjajahan Portugis dan Belanda yang seterusnya menyekat kedatangan mereka ke rantau ini.

Kemasukan Orang India ke Tanah Melayu di Era Kolonial

Zaman kemasukan imigren India moden dengan bilangan besar telah bermula di Negeri-negeri Selat (yang kemudian daripada ini akan dikenali sebagai NNS) sejak Pulau Pinang diduduki oleh British bagi pertama kalinya pada tahun 1786.³ Dalam hubungan ini mereka telah datang sebagai ejen untuk merealisasikan pencapaian cita-cita ekonomi British. Untuk merealisasikan impian British maka orang India dibawa bekerja sebagai sepoi, askar dan pembantu domestik. Migrasi moden ini lebih berpaksikan kepada pujukan oleh ejen yang membawa masuk pekerja ke Tanah Melayu. Transformasi kedatangan orang India daripada golongan yang bersifat sebagai duta Tamadun India serta golongan pedagang kepada kedatangan sebagai buruh adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan politik, juga disebabkan oleh perubahan sosial di India, umpamanya bertapak dengan kuatnya sistem kasta dan berkembangnya prejudis tentang mengharungi lautan.⁴ Di bawah sistem kasta, orang yang berada di dalam kasta rendah sentiasa ditindas oleh golongan berkasta tinggi. Penindasan ini menyebabkan

mereka hidup dalam keadaan kemiskinan dan apabila terdapat peluang mencari pendapatan di negara asing maka mereka dengan cepat merebut peluang tersebut.

British membawa masuk orang India kerana India pada masa itu terletak di bawah jajahan British. Menjelang akhir kurun ke lapan belas, terdapat lebih kurang 1000 orang kuli (coolie) di Pulau Pinang dan bilangan mereka telah meningkat dengan penguasaan Singapura oleh British pada tahun 1819, tetapi bilangan pekerja itu tidak pernah mencukupi. Selepas tahun 1825, apabila Singapura, Pulau Pinang dan Melaka dijadikan stesyen hukuman, buruh India ini bertambah dengan pengambilan banduan dari India.

Tindakan ini mendapat tentangan oleh British di Tanah Melayu kerana menerima orang yang bersalah dari penjara India untuk bekerja di NNS.⁵ Stesyen hukuman di NNS akhirnya ditutup pada tahun 1873 dan pesalah dihantar ke Pulau Andaman di India. Tindakan ini telah mewujudkan suatu kekosongan tenaga buruh murah yang semakin kritikal sejak pertengahan abad ke sembilan belas lagi, iaitu selepas konsolidasi kuasa British di Tanah Melayu dan sejak negara ini dibuka untuk tujuan ekonomi,⁶ seiringan dengan era Revolusi Perindustrian. Revolusi Perindustrian serta pengeluaran barang di Britain telah membawa kepada pengeksplotasian koloni-koloni British untuk mendapatkan sumber asli bagi meningkatkan pengeluaran. Britain juga memerlukan tempat-tempat bagi pasaran barangannya. Di sinilah British mendapati Tanah Melayu sangat strategik bagi tujuan ekonominya, lantas diambil beberapa langkah untuk membawa tenaga buruh India yang murah.

Emigrasi buruh Tamil ke negara-negara asing ini telah bermula dengan penghapusan sistem perhambaan di empayar British pada tahun 1834 menyebabkan peladang Eropah di kawasan tropika dan sub-tropika memerlukan tenaga pekerja di ladang-ladang mereka.⁷ Namun demikian kedatangan buruh India ini dianggap sebagai

tidak sah oleh kerajaan India sehingga tahun 1872, apabila diluluskan akta untuk menghalalkan kemasukan mereka ke NNS,⁸ yang terletak di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris (East India Company). Mereka telah datang ke mari dalam keadaan sehelai sepinggang dan bukan seperti nenek-moyang mereka yang masuk berbekalkan modal untuk berdagang. Mereka dibawa ke NNS untuk bekerja di ladang-ladang tebu dan kopi. Pemerolehan Pulau Pinang telah membawa pengaruh British ke atas tanah besar negara ini dan menjelang tahun 1909, British telah mempunyai pengaruh sepenuhnya ke atas Tanah Melayu selepas negeri-negeri di utara Tanah Melayu jatuh ke tangannya daripada Siam.

Kestabilan politik, dorongan pegawai-pegawai British supaya orang Eropah melakukan pelaburan di Tanah Melayu serta kemasukan modal secara besar-besaran membawa kepada perkembangan Tanah Melayu dalam bidang pertanian secara komersial. Dari sinilah maka peranan imigren India dapat dilihat dengan jelasnya.

Perkembangan Pertanian Pada Kurun 19 di Tanah Melayu

Minat British dalam bidang pertanian di rantau ini telah bermula sejajar dengan pemerolehan Pulau Pinang dan Singapura, yang dijangkakan sebagai salah satu cara untuk menampung perbelanjaan pentadbiran. Tanaman awal yang diusahakan oleh British secara komersial di Tanah Melayu ialah tanaman gambir dan rempah seperti lada hitam, buah pala, dan bunga cengkoh yang ditanam di Pulau Pinang , Singapura dan di Tanah Melayu. Pengambilan buruh-buruh India adalah sejajar dengan minat pihak British dalam bidang pertanian tersebut.

Lada hitam merupakan tanaman yang mula-mula sekali ditanam di Pulau Pinang menjelang dekad terakhir kurun kelapan belas yang berterusan sehingga suku pertama abad kesembilan belas. Tanaman ini diusahakan secara usahasama peladang

Eropah dan orang Cina.⁹ Juga menjelang tahun 1790-an, gambir telah ditanam di Pulau Pinang. Oleh kerana kos bagi tenaga pekerja amat tinggi, maka ianya telah digantikan dengan lada hitam.

Lada hitam telah dipilih oleh British kerana permintaan yang tinggi baginya yang tidak dapat dibekalkan oleh Sumatera Barat. Namun selepas tahun 1817, pasaran terhadap lada hitam di Britain telah merosot dan pada masa yang sama tanaman ini telah diserang oleh serangga. Dengan itu, menjelang tahun 1820-an tanaman lada hitam telah diabaikan oleh peladang-peladang Eropah. Tenaga buruh India itu dialihkan kepada sektor penanaman lain.

Buah pala dan bunga cengkih juga telah ditanam seiringan dengan lada hitam. Namun, menjelang tahun 1840-an lagi minat terhadap penanaman bunga cengkih telah berkurangan sebab tidak menguntungkan.¹⁰ Sebaliknya harga buah pala agak tinggi menyebabkan mereka menumpukan perhatian terhadap penanaman buah pala sehingga ianya ditanam di seluruh Pulau Pinang hingga ke Seberang Perai. Walau bagaimanapun menjelang tahun 1850-an, tanaman buah pala juga telah mengalami kelemahan kerana berbagai-bagai masalah dalam usaha penanaman yang kompleks serta ditimpa penyakit yang diakibatkan oleh serangga *phloeisinus cibratus*. Tahun 1860-an menyaksikan pengabaian ladang-ladang buah pala yang seterusnya digantikan dengan penanaman kelapa dan buah-buahan. Usaha penggantian jenis-jenis tanaman ini dapat dilakukan kerana adanya tenaga buruh dari India Selatan.

Tanaman tebu juga telah dipelopori oleh orang Eropah sejak tahun 1830-an lagi. Estet pertama yang mengusahakan tebu dikenali sebagai Otaheite Estate di Ayer Itam, Pulau Pinang yang telah dibuka pada tahun 1838. Banyak estet di Seberang Perai telah dibuka oleh peladang-peladang Eropah yang berpengalaman dalam sektor penanaman

tebu sebelum mereka datang ke Tanah Melayu. Buruh dari India Selatan telah dibawa melalui Sistem Terikat.

Seperti tanaman-tanaman komersial yang lain, tanaman tebu juga telah menerima tamparan yang hebat sejak akhir tahun 1860-an apabila kebun-kebun tebu di Seberang Perai dilanda penyakit. Ditambah pula di antara tahun 1867 hingga 1880-an ladang-ladang milik orang Eropah mengalami kekurangan tenaga pekerja kerana sekatan sementara terhadap kemasukan buruh India, kadar kematian yang tinggi di kalangan mereka serta tindakan mereka meninggalkan tempat kerja untuk peluang yang lebih baik lagi. Menjelang awal tahun 1890-an keadaan telah menampakkan kemajuan kerana mulai tahun 1891, ladang-ladang Eropah telah mendapat keuntungan besar kerana pengurusan yang baik serta penggunaan peralatan mesin. Pada tahun 1901, penanaman tebu di kawasan pantai Perai telah berkembang sehingga, peladang-peladang telah membeli kawasan-kawasan sawah padi yang berhampiran dengan harapan mengaut keuntungan yang besar kelak.

Malangnya penanaman tebu di Perak dan Seberang Perai telah merosot selepas tahun 1905. Kawasan-kawasan yang asalnya ditanam dengan tebu telah diambil alih oleh getah dan tanaman-tanaman lain. Salah satu punca kemerosotan ini ialah kerumitan mendapatkan tenaga kerja kerana tanaman tebu merupakan tanaman *labour intensive*. Ini juga disebabkan oleh perubahan dasar pentadbiran terhadap pertanian menjelang tahun 1890-an. Dasar kerajaan kini adalah untuk menambahkan kawasan tanaman padi kerana padi terpaksa diimport dengan banyaknya. Sebab yang tidak asing lagi ialah Tanah Melayu telah mengalami persaingan dari negara-negara penanam tebu yang lain. Semua ini menyebabkan ramai peladang telah beralih kepada penanaman getah dan kelapa. Dengan itu tebu di Seberang Perai dan Perak telah digantikan dengan getah khususnya. Usaha ini turut memerlukan lebih banyak tenaga buruh yang murah.

Sebelum beralih kepada getah, elok jika dibincang tentang tanaman kopi kerana kopi merupakan penggerak bagi penanaman getah setelah kemerosotannya kelak. Tanaman kopi telah diperkenalkan oleh orang Eropah pada akhir kurun kesembilan belas dan ditanam di kawasan-kawasan yang tidak ditanam sebarang tanaman lain. Ia wujud seiringan dengan tanaman lain tetapi tidak merupakan saingan kepada tanaman-tanaman tersebut. Kopi ditanam dengan jayanya di Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Johor, namun ianya tidak memainkan peranan sebagai tanaman prominen di NNS. Asalnya tanaman kopi diperkenalkan di Tanah Melayu ialah apabila pokok kopi Ceylon (Sri Lanka) dilanda penyakit pada tahun 1869. Menjelang tahun 1870-an, peladang-peladang Eropah di Ceylon telah beralih kepada tanaman kopi di Tanah Melayu, khususnya di Perak, Selangor dan Sungai Ujong. Jenis kopi yang ditanam ialah *Liberian Coffee (Coffea liberica)*.¹¹

Penanaman kopi memerlukan empat puluh hingga enam puluh orang buruh bagi seratus ekar tanah (labour intensive). Menjelang tahun 1880-an bilangan buruh Tamil yang masuk ke Tanah Melayu tidak mencukupi dan kualiti mereka juga tidak tinggi padahal kos bagi mengimport mereka adalah tinggi. Peladang Eropah cuba mengambil pekerja-pekerja Melayu, Jawa atau Cina namun berpaksikan pengalaman mereka di Ceylon, mereka lebih suka kepada tenaga pekerja Tamil.

Tahun 1894 dan 1895 menyaksikan harga kopi sampai ke tahap yang tinggi iaitu \$40 sepikul dan pada tahun berikutnya harganya telah mula menurun kerana Brazil telah mengeluarkan kopi yang banyak akibat kemasukan beramai-ramai buruh imigren. Selain daripada itu, industri kopi juga telah dilanda penyakit *Hemileia Vastatrix*, khususnya di Selangor yang telah mula diserang sejak tahun 1894. Tahun

1906 merupakan tahun *turning point* bagi sejarah industri kopi kerana menerima saingen daripada industri getah.

Walaupun jangka hayat kopi di Tanah Melayu bukan panjang, tetapi tanaman ini jelas mempunyai kepentingan tersendiri sebagai tanaman ladang pertama yang penting di pantai barat Tanah Melayu. Ia tidak menggantikan tanaman lain, malahan menyebabkan banyak kawasan diterokai. Akibatnya sistem infrastruktur mula dipertingkatkan dengan menghubungi kawasan-kawasan utama. Sebagai sumber pertanian, kopi telah diusahakan di pantai barat tetapi kepentingan yang paling banyak adalah bagi Selangor. Ramai peladang-peladang Eropah telah diberi tanah untuk membuka ladang-ladang kopi, yang mana tanah ini kemudiannya digantikan dengan getah.¹²

Tanaman kopi merupakan tanaman yang mula-mula membawa bersamanya kapital, pengurusan dan tenaga buruh yang diimport khususnya orang Tamil dan Jawa, melalui saluran dan bantuan yang tertentu seperti subsidi tambang kapal bagi buruh India pada tahun 1887, dan pembukaan depot di Nagapatnam, India pada tahun 1890.¹³ Saluran yang mereka datang itu kemudiannya telah dipanjangkan kepada industri getah. Peladang-peladang Eropah ini telah mendapat banyak pengalaman tentang keadaan di Tanah Melayu apabila mereka menceburkan diri dalam sektor penanaman getah.

Permintaan terhadap getah meningkat akibat peningkatan teknik yang menggunakan getah sejak lewat abad kelapan belas dan kesembilan belas. Contoh yang nyata ialah proses vulkanisasi (vulcanization) pada tahun 1839, perkembangan industri elektrik dan pertambahan penggunaan tayar *pneumatic*, yang mula-mula digunakan untuk roda basikal yang kemudiannya diperkembangkan penggunaan kepada otomobil. Umumnya, getah telah mula-mula ditanam secara komersial di Tanah Melayu di estet-estet yang dibuka untuk pertanian lain. Jenis tanaman yang mendapat tumpuan awal

ialah jenis *Hevea Brasiliensis*. Keperluan tenaga kerja India telah pun diasaskan oleh pertanian tebu dan kopi, dan kini diteruskan keperluannya bagi sektor penanaman getah. Kalau dahulu buruh datang di bawah Sistem Terikat, sekarang mereka datang melalui sistem ‘tidak terikat’ ataupun dikenali sebagai Sistem Bebas.

Getah pada awalnya telah ditanam bersama kopi menjelang akhir abad kesembilan belas di Selangor, khususnya di Klang sementara menunggu hasil daripada kopi. Sikap ini timbul kerana peladang masih belum yakin terhadap hasil mahsul yang diperolehi melalui getah. Namun menjelang tahun 1898, sebanyak 389,500 pokok telah ditanam di Selangor.¹⁴ Negeri kedua terpenting dalam penanaman getah ialah Negeri Sembilan yang dapat dilihat permulaannya menjelang akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh yang juga telah mula diusahakan oleh peladang Eropah.

Pada waktu yang sama, kerajaan kolonial di samping menyediakan pinjaman kewangan juga telah menyumbang ke arah penyelidikan dan kajian, mengambil inisiatif untuk membuka pelabuhan-pelabuhan baru, membina sistem perparitan, membina jalan-jalan baru serta landasan keretapi untuk memperhebatkan lagi kegiatan ekonomi negara ini dalam bidang pertanian khususnya.

Kemasukan Masyarakat India Selatan Sebagai Buruh Pertanian

Kesemua perkembangan baru di bidang pertanian ini memerlukan tenaga pekerja yang tidak berkemahiran. Di sinilah British mendapati tenaga kerja orang India sangat sesuai untuk memenuhi tujuan mereka, kerana orang India mempunyai kemahiran dalam pembinaan jalan raya dan kerja-kerja konkrit.¹⁵ Setelah buruh India Selatan, dibawa ke Tanah Melayu, kerja pembinaan infrastruktur menjadi mudah bagi British kerana kemahiran yang sedia ada pada buruh-buruh tersebut.

Tenaga kerja mereka juga diperlukan untuk menebas hutan belantara yang mudah membawa penyakit malaria supaya Tanah Melayu dapat dibuka untuk perdagangan antarabangsa. Hutan tebal di mana terdapat nyamuk *Anophelis* yang membawa penyakit telah mengakibatkan ramai pekerja India Selatan yang bertugas membersihkan hutan itu telah menemui maut. Di sektor pertanian pula kehadiran mereka mula kelihatan dengan bermulanya penanaman tebu. Mereka telah dibawa bekerja di bawah Sistem Terikat mengikut keperluan, di mana mereka ‘terikat’ dengan kontrak selama dua atau tiga tahun. Apabila penanaman kopi berkembang, menjadi murah pula untuk mengambil pekerja melalui Sistem Bebas.¹⁶

Antara orang India ini yang dianggap sangat sesuai oleh pihak British untuk menjalankan kerja-kerja perburuhan ialah mereka dari India Selatan iaitu dari Madras. Terdapat juga usaha awal untuk mengambil pekerja dari presidensi lain selain daripada Madras, umpamanya pada tahun 1902, telah ada usaha untuk mengambil tenaga pekerja dari Bengal, tetapi kerajaan India tidak memberi kebenaran dengan alasan presidensi Madras sudah memadai untuk menawarkan tenaga pekerja yang secukupnya dan presidensi ini juga merupakan “*natural source of labour supply for the Straits Settlements.*”¹⁷ Bagi kerajaan India, kalau terdapat kekurangan tenaga pekerja untuk dibawa ke Tanah Melayu, adalah kerana gaji yang tidak mencukupi dan tidak menarik minat pekerja untuk mencari pendapatan di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1907, penduduk berketurunan India di NNS dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (selepas daripada ini akan dikenali sebagai NNMB) sudah mencecah lebih kurang 120,000 orang.¹⁸ British yang pernah menjajah negara India sebelum ini memang arif dengan kerentan orang India dan mereka dapati orang India Selatan yang lebih dikenali sebagai orang Tamil ini amat sesuai untuk melakukan kerja-kerja mudah yang dilakukan secara berulang-ulang (repititive tasks).

Pada pandangan British, orang Tamil ini adalah jenis yang senang dilatih, bekerja dengan elok di bawah pengawasan, mudah diurus serta tidak terlalu bercita-cita tinggi berbanding dengan orang dari India Utara.¹⁹ Juga didapati orang Tamil ini sangat mudah dikawal walaupun diberi gaji sangat sedikit serta dapat menyesuaikan diri dengan keadaan hidup yang agak rejimental di estet mahupun di bawah jabatan-jabatan kerajaan. Kualiti pasif yang sedemikian tidak dimiliki oleh orang Cina menyebabkan pegawai-pegawai British tidak berminat untuk membawa masuk buruh Cina untuk bekerja di sektor perladangan. Faktor-faktor ini pula ditambah dengan faktor geografi di mana kita dapat keadaan iklim Tanah Melayu mempunyai kesamaan dengan iklim India Selatan yang mana membolehkan orang Tamil ini dapat menyesuaikan diri dengan mudah di rantau ini, berbanding dengan orang dari India Utara di mana keadaan iklim di situ lebih sejuk.

Satu perkara yang patut diketengahkan di sini ialah bahawa orang Tamil yang dianggap sesuai untuk bekerja di Tanah Melayu sebagai buruh adalah di kalangan mereka yang sudah biasa dengan taraf hidup yang rendah serta cara pemerintahan orang British yang lebih suka kepada mereka yang berbudi pekerti dan mudah patuh kepada arahan kerana mereka adalah daripada golongan yang tidak atau pun kurang berpendidikan formal. Tanggapan sedemikian dapat dibuat oleh pegawai-pegawai British dan peladang-peladang Eropah yang lain terutama sekali semasa usaha penanaman kopi secara besar-besaran yang pernah bekerja di Sri Lanka (Ceylon) di mana ladang-ladang tersebut telah mengambil tenaga kerja dari India Selatan.²⁰

Kesemua aspek tersebut membolehkan orang India Selatan dianggap sebagai golongan yang sangat sempurna untuk mencapai impian British selaku kapitalis, berhubung dengan perlaksanaan tugas-tugas kasar dalam perkembangan ekonomi kolonial. Buruh yang dibawa dari India Selatan pula hampir 90 peratus terdiri daripada

orang Tamil dan selebihnya adalah orang Telugu. Terdapat juga sebilangan orang India ini yang datang dengan initiatif sendiri dengan tujuan berdagang yang dapat dilihat kehadiran mereka di negeri-negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Ada juga di kalangan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja munisipal iaitu dalam perkhidmatan perkeranian dan juru ukur tanah. Golongan profesional yang dibawa oleh orang Eropah terdiri daripada para guru dan doktor.²¹

Apabila diimbas kembali, kita dapati pihak British telah membuat beberapa cubaan untuk mendapatkan tenaga buruh tempatan yang lebih murah. Orang Melayu merasa amat selesa dengan kehidupan menyara dirinya dan keluarganya dengan bercucuk tanam serta menangkap ikan. Mereka tidak berkeinginan untuk bekerja di bawah majikan mengikut jadual kerja yang ketat serta gaji yang ditetapkan. Orang Melayu yang merupakan penduduk peribumi Tanah Melayu mampu memenuhi keperluan harian dengan cara yang sesuai baginya daripada bekerja makan gaji di ladang-ladang kepunyaan orang asing.

Imigren Cina pula telah hadir dalam bilangan yang agak banyak di NNS menjelang awal abad kesembilan belas. Ramai di antara mereka telah menjekak kaki ke Tanah Melayu dalam usaha mencari bijih timah, dan emas.²² Orang Cina ini seperti yang sedia maklum adalah orang yang bekerja keras, berkemahiran dan mempunyai dorongan untuk mencuba perkara-perkara yang baru. Dalam apa jua situasi pun mereka sanggup berkorban demi mencari kekayaan tetapi malangnya, mereka merupakan golongan yang susah dikawal akibat kegiatan kongsi-kongsi gelap, rompakan berkumpulan (gang robbery) dan sentiasa tidak bersatu.²³ Tujuan mereka hanyalah satu iaitu menjadi *taukeh* di dalam bidang yang diceburinya. Oleh kerana mempunyai sifat yang sedemikian, maka orang Cina tidak bersedia untuk bekerja di ladang-ladang kepunyaan orang Eropah, dengan sentiasa diawasi serta diberi gaji bulanan yang begitu

sedikit sekali. Mereka lebih rela bekerja dengan orang Cina sebagai majikan mereka daripada bekerja makan gaji dengan orang Eropah. Kerenah orang Cina yang sedemikian ini menyebabkan mereka tidak boleh dibawa bekerja di ladang-ladang.

Bagaimana pula dengan orang Jawa? Mereka juga tidak ketinggalan dalam cubaan orang Eropah yang ingin menggunakan tenaga mereka untuk bekerja di ladang. Ada yang menganggap mereka ini golongan yang malas dan ada pula yang mendapati mereka ini lebih baik daripada orang Tamil sama ada dari segi kualiti kerja mereka mahupun dari segi fizikalnya. Tambahan pula mereka adalah daripada rumpun Melayu yang sama dengan mereka yang terdapat di Tanah Melayu menyebabkan mereka mudah diasimilasikan di Tanah Melayu berbanding dengan orang India dan Cina. Masalahnya ialah kerumitan mengimport orang Jawa kerana peraturan emigrasi yang ketat yang dikenakan oleh kerajaan Belanda yang menjajah Kepulauan Indonesia.²⁴ Halangan-halangan yang sedemikian inilah yang menyebabkan British berpaling ke negara India Selatan untuk mendapatkan tenaga kerja yang murah lagi mudah.

Di sebalik keperluan bagi tenaga buruh di Tanah Melayu, elok jika dilihat apakah yang menolak mereka ke mari untuk mencari punca pendapatan. Yang pertamanya, dalam banyak hal, India merupakan negara yang paling ideal untuk mendapatkan tenaga buruh murah. Ini disebabkan perkembangan ekonomi India menjelang abad ke sembilan belas, tidak selaras dengan lebihan tenaga buruh yang terdapat di situ. Oleh yang demikian, kita melihat bahawa menjelang dekad pertama abad kesembilan belas lagi orang India, khususnya tenaga buruh mula menggunakan peluang pekerjaan di luar negara. Migrasi mereka yang pertama ialah ke Ceylon sejak tahun 1810 dan seterusnya ke Tennaserim mulai tahun 1826, serta ke Mauritus sejak tahun 1836.²⁵ Pada masa yang sama terdapat kemasukan buruh India ke NNS untuk bekerja di ladang-ladang tebu dan kopi serta perkhidmatan domestik. Migrasi mereka

ke luar negara membuktikan bahawa terdapat kekurangan peluang pekerjaan di negara mereka.

Negara India yang dijajah oleh British tidak menyediakan corak pekerjaan yang seimbang dengan pertambahan penduduk. Beberapa industri yang bukan bersifat pertanian yang dibenarkan oleh British, tidak dapat menyerap tenaga kerja yang begitu ramai. Sehingga Perang Dunia Kedua, lebih daripada 85 peratus penduduk India tinggal di luar bandar.²⁶ Secara praktiknya, ini bermaksud hanya pertanian dapat menampung keperluan bilangan penduduk yang semakin bertambah itu.

Andaikata pengeluaran pertanian, terutamanya tanaman makanan adalah seimbang dengan pertambahan penduduk, mungkin keadaan tidak menjadi begitu teruk sehingga mereka terpaksa merantau untuk mencari peluang pekerjaan. Disebabkan oleh tiadanya pengkhususan tanaman, kurangnya kapital, teknik-teknik yang ketinggalan zaman, dan petani berhutang yang membawa kepada masalah pemilikan tanah, menyebabkan produktiviti kekal tidak mencukupi atau pun dalam tahap statik.

Keadaan kemiskinan yang amat teruk sekali menyebabkan petani-petani seringkali berhutang kepada peminjam. Pertanian yang tidak menjadi atau kurang produktiviti berbanding dengan ahli keluarga telah menolak mereka kepada keadaan berhutang. Peminjam yang mengambil peluang ini, pula meminjamkan wang kepada petani dengan kadar bunga yang tinggi, di antara 9 peratus dan 300 peratus.²⁷ Kadar hutang tahunan yang tersimpan akibat tidak dapat dibayar balik oleh siberhutang menyebabkan tanah mereka dirampas oleh peminjam. Adakalanya petani yang berhutang terpaksa bekerja untuk peminjam seumur hidupnya. Juga terdapat keadaan di mana petani yang berhutang dibenarkan bekerja di tanahnya sendiri dan membayar balik hutang dengan menyerahkan 40 hingga 60 peratus dan adakalanya sehingga 80 peratus daripada hasil mahsulnya.

Para petani yang tidak berpendidikan ini, sering juga dikenakan berbagai-bagai syarat untuk mengekalkan keadaan berhutang mereka. Petani yang tiada punca pendapatan lain terpaksa terikat dengan syarat-syarat yang sedemikian semata-mata untuk terus bekerja di tanahnya itu sementara tinggal kekal dalam keadaan miskin.

Sistem kasta yang berleluasa di India juga telah menyebabkan penghijrahan masuk orang India ke negara asing termasuk ke Tanah Melayu. Orang India yang berkasta rendah seringkali ditekan oleh golongan berkasta tinggi. Golongan berkasta rendah yang lazimnya dikenali sebagai *Adi-dravida* menjadi pilihan utama orang British, yang mengeksplorasi kemiskinan yang dipusakai oleh mereka. Golongan ini juga merasakan tiada mobiliti sosial atau ekonomi selagi mereka hidup dalam kemiskinan di negara mereka. Dengan tujuan meningkatkan tahap ekonomi, mereka rela berhijrah ke Tanah Melayu.

Dipandang dari mana-mana sudut pun, maka orang India iaitu golongan Tamil dari India Selatan yang nampaknya sesuai bagi tujuan orang British untuk menggembling tenaga mereka bagi mengaut keuntungan di Tanah Melayu.

Cara-cara Kemasukan Buruh-buruh Tamil ke Tanah Melayu

Umumnya terdapat tiga saluran yang digunakan oleh orang Tamil untuk masuk ke Tanah Melayu, iaitu Sistem Terikat, Sistem Kangani dan Kemasukan Secara Bebas. Perjalanan ketiga-tiga sistem ini adalah berbeza di antara satu sama lain.

Sistem Terikat (Indentured Immigrants)

Sistem Terikat telah mula diamalkan mulai tahun 1867 iaitu setelah penubuhan NNS. Ianya merupakan sistem pertama yang menyediakan buruh India di Tanah Melayu. Tenaga mereka pada mulanya amat diperlukan di ladang-ladang tebu. Melalui

Sistem Terikat, pekerja yang dibawa adalah orang Tamil bersama-sama dengan sebilangan kecil orang Telugu yang berasal dari provinsi selatan negara India. Mereka diambil bekerja di ladang-ladang tebu dan kopi.²⁸ Asalnya sistem ini bertujuan untuk membawa masuk pekerja untuk bekerja di estet-estet dengan kontrak. Kemudian beberapa lagi sektor ditambahkan untuk mengambil buruh secara terikat selain daripada sektor pertanian.

Sektor-sektor tersebut adalah sektor pembinaan jalan, pembinaan terusan, pembinaan landasan keretapi dan pemeliharaannya, pekerjaan di lombong, kuari, memecah batu serta pembuatan batu-batan.²⁹ Semua sektor yang mereka diambil bekerja menjurus kepada pembangunan Tanah Melayu yang diidam-idamkan oleh British untuk mengaut keuntungan seberapa banyak yang mungkin. Buruh yang sudah menandatangani kontrak tidak boleh menukar majikan atau mendapatkan pekerjaan yang baru. Orang perseorangan sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang dibenarkan masuk dan bukan kemasukan secara berkeluarga. Bagi pihak majikan yang mengambil mereka pula harus memberi gaji, menyediakan tempat penginapan dan kemudahan perubatan.

Pengambilan pekerja di bawah Sistem Terikat memerlukan majikan yang prospektif membuat ‘tempahan’ bilangan pekerja yang diperlukan dengan ejen yang bertanggungjawab mengambil pekerja dari India. Ejen tersebut akan menghantar wakilnya ke negara India dan beliau akan pergi ke kampung-kampung dan memilih bilangan pekerja yang dikehendakinya.³⁰ Lazimnya ejen tersebut tidak mengambil berat tentang keadaan fizikal para pekerja yang dipilihnya. Ada yang menemui maut dalam perjalanan ke NNS, dan ada pula yang terlalu sakit untuk bekerja di ladang. Mereka dibawa masuk melalui pelabuhan Pulau Pinang dan Port Swettenham.

Berbalik kepada cara pengambilan pekerja, terdapat beberapa syarikat yang berpusat di Nagapatnam dan Madras yang menerima tempahan bagi pekerja yang kemudiannya mendapatkan bilangan tenaga pekerja yang dikehendaki. Oleh kerana Nagapatnam menguruskan sebilangan besar penghantaran pekerja, maka kebanyakan orang yang dipilih untuk berhijrah adalah dari kawasan-kawasan berdekatan dengan Nagapatnam, seperti Tanjore, Madura dan Trichy. Seiringan dengan cara ini terdapat pula spekulator yang mengambil buruh³¹ dengan sendirinya dan membawa mereka ke Pulau Pinang untuk mendapatkan keuntungan, kerana mereka mengetahui tenaga pekerja India Selatan itu amat ‘laris’ di Tanah Melayu. Apabila orang yang dipilih itu telah menandatangani kontrak, maka mereka dikategorikan sebagai ‘terikat’ dengan majikan untuk bekerja selama tiga tahun. Ini bermakna mereka tidak berhak menukar majikan atau tempat bekerja. Pada akhir tempoh kontrak mereka boleh diambil bekerja dengan menandatangani kontrak baru. Gaji juga ditentukan pada masa rekrut pekerja dan tidak akan berubah.

Gaji harian mereka adalah 25 sen (cents)³², itupun jika kerja yang diberikan itu dapat diselesaikan pada hari itu. Belanja membawa masuk pekerja ini akan ditanggung oleh majikan yang akan ditolak daripada gaji yang akan diterima oleh pekerja itu kelak. Kos yang dibayar oleh peladang untuk setiap orang pekerja adalah lebih kurang 25 Rupee.

Lazimnya mana-mana pekerja yang berumur enam belas tahun dan ke atas boleh menandatangani kontrak untuk bekerja di Tanah Melayu.³³ Dari segi gaji pula, bagi lelaki dan perempuan terdapat perbezaan, seakan-akan berlaku diskriminasi gender. Lelaki dewasa diberi sebanyak 14 sen sehari pada tahun pertama, diikuti dengan 16 sen sehari pada tahun kedua dan berikutnya. Wanita dewasa dan budak-budak lelaki di bawah umur 16 tahun pula diberi sebanyak 10 sen sehari pada tahun

pertama, yang akan ditingkatkan kepada 12 sen sehari pada tahun kedua dan tahun berikutnya.³⁴ Tambahan daripada itu, pihak majikan bertanggungjawab menyediakan keperluan asas seperti penginapan yang sesuai, air yang secukupnya, makanan yang secukupnya, dan kemudahan perubatan. Di bawah Sistem Terikat ini, pekerja diperlukan bekerja selama enam hari seminggu dan tidak melebihi sembilan jam sehari. Apabila kontrak mereka tamat, ada pekerja yang diambil bekerja semula, mungkin mereka yang dirasakan masih bertenaga, ada pula yang dibebaskan apabila tamat kontrak dan mereka bebas mencari majikan lain dan ada pula yang pulang ke tanah air mereka.³⁵ Tetapi pada hakikatnya ini bukanlah realiti, kerana ramai yang masih ‘terikat’ dengan kontrak walaupun selepas tiga tahun atas berbagai-bagai alasan.

Dalam sistem ini, pekerja tidak ada kebebasan memilih majikan manapun jenis-jenis pekerjaan. Rekrut pun adalah tertumpu kepada orang perseorangan dan bukan unit keluarga dan di sini jelas kelihatan terdapat ketidakseimbangan di antara lelaki dan perempuan.

Walaupun dari segi teorinya, sistem ini merupakan satu sistem yang ideal, namun ianya terdedah kepada penyalahgunaan kuasa dan jelas tidak menguntungkan dari segi ekonomi. Tambahan pula sistem ini tidak dapat menyediakan tenaga kerja yang secukupnya ke ladang-ladang yang memerlukan tenaga kerja yang murah. Keadaan ini membawa kepada masalah sesuatu majikan itu mengambil pekerja yang dikhaskan bagi majikan lain, seakan-akan wujud persaingan di antara majikan untuk mendapatkan tenaga pekerja yang secukupnya.

Menjelang tahun 1910, mereka yang berada di India dan mengenali tentang kekurangan yang terdapat dalam Sistem Terikat, telah menyeru kepada kerajaan India supaya memansuhkan sistem ini. Seruan ini disebabkan berlakunya penyalahlakuan terhadap golongan pekerja yang seringkali dianggap sebagai satu sistem perhambaan.

Apatah lagi, pada tahun 1870 lagi, En. Hathaway iaitu *sub-collector* Tanjore, yang ditempatkan di Nagapatnam, telah mengumumkan secara rasmi bahawa sistem ini merupakan “*a regularly organised system of kidnapping*³⁶”, yang mengibaratkan sistem ini sebagai satu sistem pencolekan yang teratur. Beliau menegaskan ianya satu sistem yang haram.

Selain daripada itu terdapat juga bukti mereka dipukul dengan rotan oleh majikan mereka. Namun setelah disoal siasat majikan yang bertanggungjawab hanya dikehendaki membayar denda sahaja,³⁷ sebagai hukuman bagi perbuatan yang tidak berperikemanusaan itu. Tambahan pula golongan pekerja sentiasa diawasi oleh pengawal supaya tidak melarikan diri mencari majikan lain dengan membebaskan diri sebagai buruh bebas. Orang India mula mempersoalkan tentang kadar kematian yang tinggi di kalangan imigren ini, serta keadaan tempat tinggal yang teruk sekali dengan kekurangan dari segi sanitasi, kekurangan air yang bersih, serta kesihatan keseluruhan buruh imigren itu.

Seruan supaya memberhentikan sistem ini akhirnya membawa kesan apabila sistem ini dihentikan pada 30 Jun 1910.³⁸ Dengan itu satu sistem pengambilan pekerja dari India Selatan telah berakhir sementara sistem-sistem yang lain masih berterusan.

Walaupun Sistem Terikat telah dimansuhkan, namun, ada imigren yang ingin tetap tinggal di estet yang mereka telah bekerja itu, umpamanya di lapan buah estet di mana buruh terikat ini dibebaskan. Namun 79 peratus daripada mereka ingin tetap berkekalan di ladang yang mereka telah diambil bekerja.³⁹ Kemungkinan besar tindakan ini disebabkan mereka takut hendak memulakan hidup baru di tempat-tempat baru selain daripada tempat dan pengurus yang mereka sudah biasa itu.

Sistem Kangani

Seiringan dengan Sistem Terikat itu berjalan satu lagi sistem yang dikenali sebagai Sistem Kangani, yang menggantikan Sistem Terikat setelah sistem itu dimansuhkan pada tahun 1910. Sistem Kangani hanya berpusat di Madras, Nagapatnam, Arcot Utara, Trichnopoly, Tanjore, Salem, Chingleput dan Arcot Selatan yang semuanya terletak di India Selatan.⁴⁰ Sistem ini telah pun muncul semenjak tahun 1870-an lagi. Untuk tujuan rekrut pekerja, pihak majikan akan memilih seorang kangani iaitu biasanya seorang *mandor* atau orang yang mengepalai sebilangan pekerja di sesebuah ladang itu, ataupun seseorang yang lebih berpengaruh daripada orang lain di kalangan pekerja di sesebuah ladang itu.

Kangani tersebut haruslah seorang yang bekerja di ladang itu sekurang-kurangnya selama tiga bulan sebagai satu jalan majikan mengetahui sikap kangani itu dengan lebih dekat.⁴¹ Selain daripada itu majikan juga ingin mendapat kepastian sama ada kangani yang dipilih itu dapat mengiklankan estet yang sedang dia bekerja itu, di kalangan penduduk kampungnya. Diharapkan kangani tersebut juga mempunyai pengetahuan tentang salah sebuah daripada NNMB supaya dapat memberi maklumat kalau ditanya kelak di India.⁴² Seseorang kangani itu haruslah juga seorang yang boleh dihormati oleh komuniti kampungnya di India. Semua ketelitian ini amat diperlukan kerana kangani itu dianggap sebagai sebahagian daripada jawatankuasa pihak majikan.

Perjalanan Sistem Kangani bermula dengan mana-mana estet yang memerlukan pekerja akan menghantar seorang kangani dengan lesen merekrut ke Jabatan Imigresen India yang berpusat di Pulau Pinang. Terlebih dahulu pihak majikan akan mengisi borang dengan bilangan pekerja yang mereka inginkan. Lesen merekrut ini akan didaftarkan di jabatan tersebut dan kangani itu akan dihantar ke Madras atau Nagapatnam dan dikehendaki melaporkan diri dengan ejen di situ.⁴³ Kangani akan

mendaftar dengan Pejabat Emigrasi Madras (Emigration Agent Madras) atau dengan Superintendant Depot Emigrasi (Superintendant of the Emigration Depot). Kemudian dia akan ke Syarikat Messrs. Binny & Co., Madras atau ke Madura Company, Nagapatnam. Syarikat-syarikat ini adalah ejen kepada British India Navigation Company dan berperanan sebagai ejen kewangan di India bagi pihak majikan di NNS.⁴⁴

Tambahan daripada itu, terdapat di Madras dan Nagapatnam Ejensi Persatuan Pertanian Semenanjung Tanah Melayu (Malay Agricultural Association Agency) yang berfungsi sebagai ejensi kewangan kepada beberapa estet di NNS. Majikan di Tanah Melayu, apabila menghantar kangani, akan berurusan dengan ejen-ejen tersebut mengenai kedatangan kangani ke India supaya bantuan kewangan diberi kepadanya. Ejen-ejen seperti inilah yang membayar wang pendahuluan dan komisyen bagi setiap pekerja yang direkrut oleh kangani. Sistem ini mengelakkan daripada memberi wang yang banyak kepada kangani yang mana mungkin akan disia-siakan atau diboroskan oleh kangani. Kangani yang sampai di India, kemudiannya akan pergi ke kampungnya untuk mendapatkan pekerja.

Pekerja yang dipilihnya dengan curahan kata-kata manis mengenai keadaan senang dan mewah di Tanah Melayu adalah di kalangan saudara-mara dan orang yang dikenalinya. Kerja yang berat dan hidup yang susah yang menanti mereka di Tanah Melayu, serta gaji yang rendah dan juga tempat tinggal yang tidak selesa, tidak diberi gambaran langsung. Seringkali kangani akan menyediakan risalah mengenai cerita-cerita baik di Tanah Melayu. Seterusnya kangani akan membawa mereka atau menghantar mereka dengan orang yang boleh dipercayai ke depot di Madras atau Nagapatnam. Di depot tersebut, yang diselenggarakan oleh kerajaan NNMB, pekerja itu akan diperiksa untuk memastikan kesihatan mereka adalah baik. Jika didapati sihat, mereka akan dihantar melalui kapal ke Tanah Melayu. Syarikat-syarikat di India tadi

akan menghantar kabel tentang bilangan pekerja yang dihantar ke sebuah estet. Ejen tempatan di Tanah Melayu pula akan menghantar mesej kepada majikan tentang bilangan pekerja yang bakal diterimanya. Buruh-buruh yang sampai di Tanah Melayu akan terus ke stesen kuarantin sama ada ke Pulau Jerejak atau pun ke Port Swettenham. Lazimnya rekrut ke Kedah, Province Wellesley (Seberang Perai) dan Perak dihantar ke Pulau Jerejak yang berhampiran dengan Pulau Pinang itu. Pekerja yang dimaksudkan untuk ke Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Singapura dan Kelantan akan dihantar ke Port Swettenham.⁴⁵ Buruh yang sihat dianggap sebagai aset yang bernilai di kacamata pihak majikan.

Melalui Sistem Kangani ini, kita dapat melihat migrasi wanita dan juga unit-unit keluarga yang kemudian daripada itu telah mengubah corak pendudukan masyarakat India di Tanah Melayu daripada bersikap *birds of passage* kepada penduduk yang tinggal menetap.

Setibanya di Tanah Melayu, pekerja-pekerja itu ditempatkan di estet-estet di mana kangani itu ditugaskan, bermakna pekerja itu berada di bawah pengawasan kangani yang membawanya. Seperti pekerja-pekerja Sistem Terikat, mereka yang datang melalui rekrut kangani juga merupakan siberhutang apabila mereka tiba ke sini kerana mereka terpaksa membayar balik tambang kapal mereka dalam masa dua tahun. Kalau tidak melangsaikannya, maka majikan lain juga tidak mengambilnya untuk bekerja di estet mereka. Apa yang membezakan pekerja Sistem Terikat dengan pekerja Sistem Kangani ialah, golongan yang pertama menandatangani kontrak dan membayar hutang, manakala golongan yang kedua ini pula membayar hutang tanpa menandatangi kontrak. Maka laungan yang menyatakan pekerja yang datang melalui Sistem Kangani ini adalah bebas itu hanya tinggal teori sahaja.

Kangani pula mendapat komisyen di antara 5 hingga 15 Rupee bagi seorang rekrut yang berjaya diperolehinya. Seramai dua puluh lima hingga tiga puluh orang pekerja bekerja di bawah seorang kangani. Tambahan daripada komisyen tersebut kangani juga mendapat 2 sen bagi setiap orang yang hadir bekerja pada sesuatu hari itu, yang dikenali sebagai “Duit Kepala” (Head Money). Bagi setiap orang yang bekerja pada hari itu pula, kangani akan mendapat “Pence Money” sebanyak 3 hingga 4 sen.⁴⁶ Rekrut yang dibawa melalui Sistem Kangani ini banyak dapat dilihat di ladang-ladang kopi dan kemudiannya di ladang-ladang getah⁴⁷ kerana getah saban hari menjadi komoditi utama akibat permintaan dunia.

Seseorang kangani itu juga mengamalkan beberapa cara lain untuk mencari kekayaan dengan mengeksplorasi buruh-buruh yang berada di bawah kawalannya. Kebergantungan yang keterlaluan buruh India terhadap kangani yang merupakan pemimpin tahap pertama bagi mereka, telah menyebabkan kangani itu berlaku curang terhadap mereka. Sebagai contoh, dia melakukan penipuan dan perbuatan memeras ugut. Walaupun pekerja diperdayakan dan digembeleng tenaga oleh golongan yang tidak berhati perut itu, namun Sistem Kangani tinggal kekal sebagai sistem utama penyediaan buruh India bagi keperluan Tanah Melayu.⁴⁸

Sistem Kangani sangat diminati oleh para peladang kerana didapati lebih murah dan buruh yang dipilih itu lebih sihat dari segi fizikal serta kurang kerentak birokrasi dan pemeriksaan rapi seperti yang dilakukan terhadap pekerja yang dibawa melalui Sistem Terikat. Bilangan pekerja yang dibawa masuk melalui sistem ini kian hari kian bertambah. Pada tahun 1903 mereka yang dibawa ke Tanah Melayu melalui sistem ini adalah seramai 2,064 yang meningkat seramai 7,543 orang pada tahun 1905.⁴⁹ Namun bilangan tenaga pekerja masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi dari sektor perladangan getah NNMB.

Sebagai langkah mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam pengambilan buruh, pada tahun 1906, *The United Planters Association*, *The Johor Planters Association*, dan *The Malay Peninsula Agricultural Association* telah menyeru supaya kerajaan menubuhkan *central labour bureau* untuk menangani masalah kekurangan buruh.⁵⁰ Sebagai menjawab seruan tersebut, telah ditubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai *Indian Immigration Committee* (Jawatankuasa Imigresen India). Penubuhannya berlangsung pada bulan Mac 1907 setelah Residen Jeneral NNMB telah pulang dari lawatan ke India. Tugas utama jawatankuasa ini ialah untuk menasihati kerajaan mengenai imigresen orang India.

Untuk menambahkan kemasukan buruh India, jawatankuasa ini mengesyorkan penubuhan satu tabung untuk membantu dari segi kewangan supaya pengaliran masuk buruh berlaku dengan lancar. Sehubungan dengan itu, satu tabung yang dikenali sebagai *Indian Immigration Fund* (Tabung Imigresen India) telah ditubuhkan untuk menyerap kesemua perbelanjaan mengimport buruh seperti bayaran merekrut pekerja, bayaran tambang buruh Tamil dan keluarganya dari Madras ke NNMB, NNS, Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan, serta untuk perbelanjaan am yang berkaitan dengan rekrut dari Madras yang berhubung dengan kuarantin bila sampai ke Pulau Pinang, Port Swettenham atau Singapura. Perbelanjaan ini juga termasuk tambang destinasi kepada mereka yang telah diberi tambang percuma dari India. Bayaran tambang ini pula termasuk kos penghantaran telegram oleh ejen-ejen estet kepada majikan di Tanah Melayu.

Selain daripada itu sumbangan daripada tabung ini juga digunakan untuk perbelanjaan penginapan pekerja-pekerja Tamil yang tidak berkeupayaan untuk bekerja, bayaran bunga bagi wang yang dipinjam oleh Jawatankuasa Imigresen India, bayaran elauan rekrut pekerja, bayaran kos pendaftaran buruh Tamil di Tanah Melayu,

bayaran tambang ahli Jawatankuasa Imigresen untuk mengadakan pertemuan dan juga bagi bayaran yuran hal-hal guaman berhubung dengan Kod Buruh.

Tabung ini mendapat sumbangan daripada majikan yang mempunyai buruh India di ladangnya dan bayarannya adalah berdasarkan bilangan pekerja yang dimiliki oleh mereka. Tabung ini diselia oleh Pengusaha Buruh yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Imigresen. Kerajaan merupakan penyumbang utama dan terbesar melalui pengiraan yang dibuat berdasarkan pekerjanya yang bekerja di Jabatan Keretapi, Kerja Raya, Kerja Munisipal, Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) dan sebagainya.⁵¹

Jawatankuasa Imigresen India telah mengesahkan dan menyusun Sistem Kangani kerana didapati sistem ini amat sesuai dan ideal. Sehubungan dengan itu, kangani yang sudah mendapat lesen merekrut pekerja kini terpaksa mendapat pengesahan daripada pegawai Jabatan Buruh di Pulau Pinang, yang dengan sendirinya mula melibatkan Jabatan Buruh dalam pengambilan masuk buruh India. Di India pula kangani itu harus mendapat tandatangan Ejen Emigrasi Tanah Melayu yang berpusat di Madras atau Nagapatnam.

Sistem Kangani ini juga akhirnya dimansuhkan berikutan kritikan para nasionalis yang menyuarakan tentang ketidakadilan terhadap buruh. Srinivasa Sastri, iaitu seorang pemimpin nasionalis yang melawat ke Tanah Melayu untuk menyiasat keadaan buruh di sini, telah mencadangkan sistem ini dimansuhkan. Berikutan dengan cadangan tersebut, sistem ini dimansuhkan apabila kerajaan India menghentikan migrasi orang India ke Tanah Melayu untuk mempertahankan kepentingan imigren India. Pada masa itu juga gaji buruh telah dikurangkan dari 50 sen dan 40 sen bagi lelaki dan wanita kepada 40 sen dan 32 sen dengan alasan kejatuhan harga getah sebanyak 1 sen bagi satu paun.⁵² Ini menyebabkan para nasionalis mempersoalkan serta bertindak menghentikan pengambilan tenaga buruh dari India.

Kemasukan Buruh Secara Bebas

Pemansuhan Sistem Terikat dan Sistem Kangani menyebabkan kini tinggal buruh yang masuk secara bebas sahaja. Sistem ini mula berfungsi seiringan dengan Sistem Terikat dan Sistem Kangani, namun kedatangan mereka telah berleluasa setelah Kemelesetan Ekonomi 1930-an (Great Depression) bila bantuan telah diberhentikan kepada mereka yang ingin berhijrah ke Tanah Melayu.

Mereka mendapat pekerjaan di sektor kerajaan terutama yang berkaitan dengan kerja-kerja yang melibatkan pembinaan jalan raya, pembinaan landasan keretapi, dan pekerjaan di ladang tebu sebagai tenaga kerja tambahan kepada buruh Sistem Terikat yang sedia ada. Mereka juga bekerja sebagai pekerja kilang, tukang masak, pembantu rumah dan dhobi, orang upahan mendayung sampan, dan sebagainya. Golongan yang dominan dalam sistem ini ialah kaum lelaki, juga terdapat kaum wanita dan budak-budak serta juga orang India Utara yang merupakan kurang daripada 10 peratus daripada jumlah kemasukan keseluruhan imigren India.⁵³ Kemasukan mereka secara bebas ialah apabila seseorang yang sihat dari segi fizikal memohon untuk mendapatkan kebenaran masuk ke Tanah Melayu melalui bayaran daripada Tabung Imigresen India. Mereka tidak dikenakan syarat untuk bekerja bagi pihak-pihak yang tertentu setibanya di Tanah Melayu.

Buruh bebas ini menerima gaji yang lebih berbanding dengan buruh Sistem Terikat dan Sistem Kangani. Buruh terikat menerima gaji \$0.25 sehari bagi lelaki dan \$0.18 bagi wanita manakala buruh bebas menerima \$0.35 dan kadang-kadang sampai \$0.40 sehari.⁵⁴ Mulai tahun 1923, barulah Jawatankuasa Imigren India mendapat kuasa untuk mencadangkan gaji yang standard bagi buruh India dengan mengambil kira harga makanan, pakaian, persediaan perayaan, keperluan barang-barang rumah dan tiket

pulang ke India.⁵⁵ Namun demikian cadangan hanya melibatkan sebahagian kawasan sahaja walaupun para nasionalis mendesak ianya dipraktikkan di seluruh Tanah Melayu.

Jadual 1: Kemasukan Orang India Selatan ke Tanah Melayu

Tahun	Datang sendiri	Melalui Sistem Kangani
1920	8,600	62,000
1921	1,900	12,700
1922	4,100	31,000
1923	6,800	20,100
1924	8,600	28,500
1925	17,000	43,300
1926	25,600	102,200
1927	28,600	75,800
1928	9,400	13,300
1929	26,000	44,300
1930	12,900	21,200
1934	31,800	1,400

Sumber: Tamil Nesan, 31 Ogos 1935.

Jadual di atas menunjukkan dua cara bagaimana orang India Selatan telah masuk ke Tanah Melayu. Pada mulanya kemasukan melalui Sistem Kangani mendapat sambutan yang hebat kerana buruh yang dipilih oleh kangani tidak perlu membayar tambang kapal, semuanya diuruskan melalui Tabung Imigresen. Bilangan kemasukan yang paling tinggi adalah pada tahun 1926, iaitu seramai 102,200 orang. Salah satu sebabnya ialah perusahaan getah yang mendapat pasaran tinggi yang membawa kepada

keperluan tenaga buruh yang lebih. Pada tahun itu juga kemasukan orang India Selatan yang datang sendiri menampakkan pertambahan kerana kesedaran tentang prospek yang baik di Tanah Melayu.

Kemasukan secara Sistem Bebas juga tersekut selepas Perang Dunia Kedua apabila kerajaan India mula menyekat migrasi tersebut kerana kebetulan pada masa itu India berada pada tahap reformasi politik dan sosial. Sekatan ini disebabkan migrasi buruh dianggap sebagai satu penghinaan.

Di samping kemasukan orang India Selatan (Tamil) sebagai buruh, terdapat juga kemasukan orang Tamil yang bersifat profesional. Ini disebabkan kekurangan pegawai-pegawai terlatih bagi kerja-kerja perkeranaian dalam pentadbiran menyebabkan kerajaan koloni Tanah Melayu telah meminta supaya kerajaan India dan Ceylon (Sri Lanka) menghantar pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpendidikan ke Tanah Melayu. Mereka diperlukan bagi kerja-kerja kerani, pembantu perubatan (dressers), kerja-kerja pembinaan jalan raya, jalan keretapi, kerja-kerja pengukuran tanah, guru dan sebagainya. Di samping kemasukan imigren bersifat profesional ini, terdapat juga kemasukan imigren bebas bagi tujuan komersial, yang terdiri daripada peminjam wang, peniaga, dan pedagang. Angka kemasukan imigren profesional dan komersial ini amat kecil berbanding dengan imigren buruh Tamil tetapi mereka lebih berpengaruh dari segi politik dan ekonomi disebabkan oleh pendidikan dankekayaan yang mereka miliki.

Selepas Perang Dunia Kedua, keadaan buruh imigren Tamil di Tanah Melayu telah berubah dan bersifat lebih menetap. Tanah Melayu kini mempunyai tenaga pekerja tempatan yang mencukupi terutamanya dengan penduduk Melayu yang semakin ramai memasuki pasaran buruh, ditambah pula dengan perkembangan di sektor pertanian. Di samping itu, kerajaan Tanah Melayu kini menghadkan kemasukan imigren kerana tidak mahu taraf hidup penduduk Tanah Melayu terganggu akibat

kemasukan imigren baru. Kemudahan asas dan gaji pekerja dijangka akan terganggu jika dibenarkan kemasukan imigren secara beramai-ramai. Dengan itu Ordinan Imigren 1952, telah mula berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1953 yang membawa kepada sekatan kemasukan buruh asing.⁵⁶ Dengan itu tiada lagi buruh India dibawa masuk ke Tanah Melayu.

Rumusan

Menyingkap kembali sejarah kedatangan orang India ke Tanah Melayu, khususnya orang Tamil, jelas bahawa mereka datang atas dorongan orang British, bukan seperti orang Cina yang datang ke Tanah Melayu daya usaha sendiri .Oleh kerana orang Tamil ini bergantung kepada kerajaan koloni British untuk segala-galanya, maka jelas terdapat banyak liku-liku dan pengalaman pahit dalam mengharungi perjalanan hidup baru di negara asing yang sama sekali berbeza dari segala segi.

Orang Tamil yang datang ke Tanah Melayu dalam keadaan sehelai sepinggang itu, dengan hanya bekalan tenaga yang ada pada mereka telah banyak memberi sumbangan kepada British untuk membangunkan Tanah Melayu khususnya dari segi ekonomi bermula dengan penyediaan infrastruktur sehingga kepada pembangunan pertanian.

Namun mereka dapat memulakan kehidupan baru di Tanah Melayu yang serba kekurangan, sehingga mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan negara ini. Sikap mereka yang ingin menetap di Tanah Melayu inilah yang membawa kepada keperluan pendidikan Tamil khususnya di estet-estet yang ramai penduduk Tamil, yang mana akan dilihat di bab-bab seterusnya yang menjurus kepada negeri Selangor.


Nota Hujung:

- ¹ R. Rajakrshnan, M. Rajantheran, Pengantar Tamadun India, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar, Sdn Bhd. 1994, hal. 179.
- ² Richard Winstedt, Malaya and its History, London: Hutchinson University Library, 1966, hal. 20.
- ³ Pada tahun 1785, Francis Light telah memperolehi Pulau Pinang daripada Sultan Kedah sebagai balasan kepada bantuan yang diberi oleh Syarikat Hindia Timur jika berlaku sebarang serangan luar. Dalam hal ini pihak British memerlukan sebuah pengkalan di kawasan Kepulauan Melayu lebih daripada keperluan perdagangan. Ini menyebabkan British melantik Francis Light sebagai Superintenden Pulau Pinang Syarikat Hindia Timur Inggeris selanjutnya mengembangkan sayap penguasaan ke atas Seberang Perai pada tahun 1800.
- ⁴ Kernail Singh Sandhu, "Some Preliminary Observations of the Origins and Characteristics of Indian Migration to Malaya, 1786-1957", dalam Papers on Malayan History, (ed) K G Tregonning, Journal of South-East Asian History, Singapore, 1962, hal. 43.
- ⁵ *Ibid*, hal. 44.
- ⁶ Kernail Singh Sandhu, "The Coming of the Indians to Malaysia", dalam Indian Communities in Southeast Asia, (ed), K S Sandhu dan A. Mani, Singapore: Times Academic Press, 1993, hal. 157.
- ⁷ Panchana Saha, Emigration of Indian Labour (1834-1900), Delhi: People's Publishing House, 1970, hal. 1.
- ⁸ Arasaratnam Sinnappah, Indians in Malaysia and Singapore, Bombay: Oxford University Press, 1970, hal. 13.
- ⁹ James C. Jackson, Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hal. 93.
- ¹⁰ *Ibid*, hal. 106.
- ¹¹ *Ibid*, hal. 177.
- ¹² Getah telah diketahui oleh orang Eropah melalui negara Sepanyol, yang mula-mula memperolehi maklumat mengenainya daripada orang 'Indian' di Amerika Selatan. Pada tahun 1770, Priestley telah menyatakan kegunaannya untuk membuat pemadam pensel. Tulang belakang bagi usaha penanaman getah ini ialah Marquis of Salisbury iaitu setiausaha bagi negara India. Beliau telah menggalakkan tanaman ini diperkenalkan di bahagian timur. Pada tahun 1873, satu ekspedisi telah dihantar ke Brazil di mana pokok getah hidup dengan liarnya. Ekspedisi Wideham telah membawa balik 70,000 biji benih dari Brazil yang sebahagiannya dihantar ke Taman Kew di London dan juga ke Sri Lanka. Dari Sri Lanka beberapa anak pokok getah telah dibawa ke Tanah Melayu; dipetik dari Nedyam Raghavan, India and Malaya: A Study, Bombay: Orient Longmans Limited, 1954, hal. 104.
- ¹³ James C. Jackson, Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921, hal. 189.
- ¹⁴ *Ibid*.
- ¹⁵ Nedyam Raghavan, India and Malaya: A Study, hal. 105.
- ¹⁶ Neelakandha Aiyer, Indian Problems in Malaya: A Brief History In Relation to Emigration, Kuala Lumpur: "The Indian" Office, 1938, hal. 6.
- ¹⁷ Report of the Meeting of the General Labour Committee British Malaya held at 12 Market Street, Kuala Lumpur on 31-5-1920, Kuala Lumpur: Malayan Reader Press, hal. 11.
- ¹⁸ Rajeswary Ampalavanar, The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hal. 1.
- ¹⁹ Kernail Singh Sandhu, "The Coming of the Indians to Malaysia" dalam Communities in Southeast Asia, (ed), K S Sandhu dan A. Mani, Singapore: Times Academic Press, 1993, hal. 152.
- ²⁰ Mereka telah dibawa ke Ceylon sejak tahun 1820-an, dan kemasukan mereka diuruskan oleh ejensi swasta. Seterusnya orang India Selatan diambil bekerja di Tennaserim sejak tahun 1826, Mauritius sejak tahun 1836 dan ke Kepulauan West Indian sejak tahun 1838.
- ²¹ V. Selvaratnam, "Indian Plantation Workers in West Malaysia", dalam Indians Abroad: Asia and Africa, (ed) Anirudha Gupta, New Delhi: Orient Longmans Limited, 1971, hal. 142.
- ²² Kernail Singh Sandhu, Indians in Malaya: Some Aspects of Their Migration and Settlement (1780-1957), Cambridge: At The University Press, 1969, hal. 54.
- ²³ *Ibid*.
- ²⁴ *Ibid*, hal. 55.

- ²⁵ Arasaratnam Sinnappah, Indians in Malaysia and Singapore, Bombay: Oxford University Press, 1970, hal. 11.
- ²⁶ Ibid., hal. 38.
- ²⁷ Ibid., hal. 36.
- ²⁸ Charles Gamba, The National Union Plantation Workers. The History of the Plantation Workers of Malaya 1946-1948, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1962, hal. 4.
- ²⁹ Sel. Sec. B.R.O. 1904 (Vol. 2), 5844/04, Taj: Signing of Contracts of Statute Immigrants, hal. 9.
- ³⁰ Arasaratnam Sinnappah, Indians in Malaya and Singapore, hal. 11
- ³¹ Ibid., hal. 12.
- ³² Report of the Commission Appointed to Enquire into the Condition of Indentured Labour in the F.M.S., 1910, hal. 42.
- ³³ Sel. Sec. B.R.O. 1904 (Vol. 1) No. 2623/04, Taj: Statute Immigrants.
- ³⁴ Ibid.
- ³⁵ P. Ramasamy, "Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers", dalam Indian Communities in Southeast Asia, (ed), K.S. Sandhu dan A. Mani, Singapore: Times Academic Press, 1993, hal. 316.
- ³⁶ Geoghagen, Geoghagen's Report on Coolie Emigration from India, India Office, 1874, hal. 59.
- ³⁷ Report of the Commission Appointed to Enquire into the Condition of Indentured Labour in the F.M.S., 1910, hal. 44.
- ³⁸ Ibid., hal. 47.
- ³⁹ Ibid.
- ⁴⁰ Kernail Singh Sandhu, Indians in Malaya. Some Aspects of Their Migration and Settlement (1781-1957), hal. 97.
- ⁴¹ Report of a Meeting of the General Labour Committee, British Malaya, held at 12, Market Street, Kuala Lumpur on 31st May 1920, Kuala Lumpur: The Malayan Leader Press, hal. 21.
- ⁴² Indian Immigration to the F.M.S. Resolutions and Recommendations of a Commission Appointed by the Acting Resident General, F.M.S., Kuala Lumpur: Selangor Government Printing Office, 1907, hal. 3.
- ⁴³ Ibid., hal. 8.
- ⁴⁴ Report of the Executive of the General Labor Committee, British Malaya on Indian Labor and Labourers, Kuala Lumpur, 1920, hal. 19.
- ⁴⁵ Indian Immigration to the F.M.S. Resolutions and Recommendations of a Commission Appointed by the Acting Resident General, F.M.S., hal. 8
- ⁴⁶ C. Kondapi, Indians Overseas, 1839-1949, New Delhi: Oxford University Press, 1951, hal. 29.
- ⁴⁷ Pada tahun 1908, orang Tamil adalah seramai 43,515 di ladang getah berbanding dengan 57,000 orang keseluruhan buruh di NNMB. Pada tahun 1918, buruh Tamil merangkumi 139,480 orang berbanding dengan buruh keseluruhan seramai 201,964 orang di NNMB, dipetik dari Li Dun Jen, British Malaya. An Economic Analysis, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN), 1982, hal. 140.
- ⁴⁸ Melalui sistem ini yang telah bermula, sejak tahun 1865 sehingga tahun 1938, seramai 1,186,717 orang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu, dipetik daripada Dennis E. Supernor, 'Tamil in Malaysia; Problems in Socio-Economic Development for an Immigrant Minority Group', A Thesis Submitted on Partial Fulfilment of the Requirements for the Degree of Doctor of Philosophy, Texas: Houston, 1983, hal. 93.
- ⁴⁹ James C. Jackson, Planters and Speculators. Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921, hal 239.
- ⁵⁰ Ibid.
- ⁵¹ Report of the Executive of the General Labour Committee, British Malaya on Indian Labor and Labourers, Kuala Lumpur, 1920, hal. 17.
- ⁵² Kernail Singh Sandhu, Indians in Malaya. Some Aspect of Their Migration and Settlement, 1786-1957, hal. 87.
- ⁵³ Ibid., hal. 117.
- ⁵⁴ Li Dun Jen, British Malaya: An Economic Analysis, hal. 142.
- ⁵⁵ Ibid., hal. 143.
- ⁵⁶ Kernail Singh Sandhu, "Some Preliminary Observations of the Origins and Characteristics of Indian Migration to Malaya, 1786-1957", dalam Papers on Malayan History (ed) K.G. Tregonning, Journal of South-East Asian History, Singapore, hal. 66.

PETA 2

KEPADATAN PENDUDUK INDIA DI TANAH MELAYU (1957)



Sumber: Arasaratnam Sinnappah, Indians in Malaysia and Singapore, Bombay: Oxford University Press, 1970, hal. 47.